



**UNIVERSITI KUALA LUMPUR  
Malaysia France Institute**

---

**FINAL EXAMINATION  
JULY 2010 SESSION**

---

**SUBJECT CODE** : MPW 1133  
**SUBJECT TITLE** : PENGAJIAN MALAYSIA (MALAYSIAN STUDIES)  
**LEVEL** : DIPLOMA  
**TIME / DURATION** : 8.00pm – 10.00pm  
(2 HOURS)  
**DATE** : 08 NOVEMBER 2010

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

---

1. Please read the instructions given in the question paper CAREFULLY.
  2. This question paper is printed on both sides of the paper.
  3. Please write your answers on the answer booklet provided.
  4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.
  5. This question paper consists of THREE (3) sections. Section A, B and C. Answer all questions in Section A and B. For Section C, answer one (1) question only.
  6. Answer all questions in Bahasa Melayu.
- 

**THERE ARE 10 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.**

---

**BAHAGIAN A (Jumlah: 30 markah)****ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

1. Ketua Menteri Singapura yang mencadangkan percantuman Singapura dan Tanah Melayu pada tahun 1955 adalah
  - A. Tan Siew Sin.
  - B. Tan Cheng Lock.
  - C. David Marshall.
  - D. Lee Kuan Yew.
  
2. Pendirian rakyat Singapura yang pada awalnya menyokong penuh gagasan Malaysia berubah kesan daripada
  - A. kemenangan gabungan parti berfahaman sosialis dalam pilihanraya umum.
  - B. kekalahan parti pimpinan Lee Kuan Yew dalam beberapa pilihanraya kecil.
  - C. dakwaan penipuan yang berlaku dalam perjalanan Kempen Referendum Singapura.
  - D. sikap tidak puas hati dengan cadangan penyertaan Brunei ke dalam Persekutuan Malaysia.
  
3. Sebab utama Kerajaan Filipina menentang penubuhan Malaysia adalah kerana
  - A. terpengaruh dengan dasar konfrontasi Indonesia.
  - B. tidak bersetuju dengan penyertaan Sabah ke dalam Malaysia.
  - C. keengganan Tunku Abdul Rahman berbincang dengan kerajaan Filipina.
  - D. tidak bersetuju dengan campurtangan British dalam penubuhan Malaysia.
  
4. *'Lee Kuan Yew mendakwa MCA tidak dapat menjaga kepentingan orang-orang Cina. Pada masa yang sama, kempen Malaysian Malaysia oleh Lee Kuan Yew telah ditentang dengan kempen Melayu Bersatu oleh Syed Jaafar Albar. Tunku Abdul Rahman pada ketika itu bimbang dengan ketegangan hubungan kaum.'*  
Apakah kesan peristiwa di atas? Singapura
  - A. keluar dari Persekutuan Malaysia.
  - B. telah diisytiharkan mengalami darurat.
  - C. merujuk hal ini kepada *International Court of Justice*.
  - D. membawa hal ini ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

5. Kesemua berikut adalah ciri-ciri sistem demokrasi berparlimen di Malaysia **kecuali**
- A. pemerintahan majoriti tetapi hak minoriti terjamin.
  - B. bentuk pemerintahan yang didukung oleh persetujuan umum.
  - C. mengadakan pilihanraya umum untuk memilih anggota kabinet.
  - D. undang-undang dibuat oleh wakil rakyat yang dipilih dalam pilihanraya.
6. Pilih kenyataan yang **salah** mengenai pilihanraya di Malaysia
- A. kempen berupa perarakan umum dan politik diharamkan.
  - B. tidak melibatkan pemilihan ahli Majlis Kerajaan Tempatan.
  - C. mesti diadakan dalam tempoh 30 hari selepas pembubaran Parlimen dan DUN.
  - D. calon boleh menggunakan poster, risalah bercetak, ICT dan ceramah tertutup untuk berkempen.
7. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai institusi Parlimen di Malaysia.
- A. Berada di bawah Kabinet.
  - B. Tidak mempunyai kuasa bagi meminda perlembagaan.
  - C. Menggubal, meminda dan memansuhkan undang-undang.
  - D. Mempunyai keistimewaan bagi mentafsir undang-undang.
8. Manakah ciri-ciri berikut adalah **benar** mengenai senator?.
- A. Boleh dipilih melalui pilihanraya.
  - B. Berumur sekurang-kurangnya 21 tahun.
  - C. Tidak boleh memegang jawatan lebih daripada 6 tahun.
  - D. Dipilih oleh Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat Perdana Menteri.
9. Kuasa eksekutif Yang di-Pertuan Agong dilaksanakan oleh
- A. Jemaah Menteri.
  - B. Jabatan Perdana Menteri.
  - C. Ketua Setiausaha Negara.
  - D. Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja
10. Pilih kenyataan yang **salah** mengenai Perdana Menteri.
- A. Dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.
  - B. Berumur sekurang-kurangnya 30 tahun.
  - C. Dipilih sama ada daripada ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara.
  - D. Dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Jemaah Menteri.



11. Manakah kenyataan yang **benar** mengenai kabinet di Malaysia?
- A. Organisasi pembentuk dasar negara yang tertinggi.
  - B. Tidak bertanggungjawab secara kolektif kepada Parlimen.
  - C. Setiausaha Kabinet adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
  - D. Hanya boleh hadir ke Parlimen dengan keizinan Speaker Dewan Rakyat.
12. Kesemua jawatan berikut dilantik daripada kalangan ahli kedua-dua Dewan di Parlimen **kecuali**
- A. Menteri.
  - B. Timbalan Menteri.
  - C. Setiausaha Parlimen.
  - D. Ketua Setiausaha Negara.
13. Apakah tugas utama Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)?
- A. Menguatkuasakan undang-undang.
  - B. Mengurangkan ketegangan politik dan ekonomi di antara pelbagai etnik.
  - C. Sebagai peringatan Malaysia ini adalah tanah asal orang-orang Melayu.
  - D. Melahirkan ideologi negara yang mampu mengatasi pemisahan antara etnik.
14. Siapakah yang melantik Menteri Besar atau Ketua Menteri?
- A. Perdana Menteri.
  - B. Sultan atau Yang Dipertua Negeri.
  - C. Yang Dipertuan Agong.
  - D. Kabinet.
15. Semua jawatan berikut tidak termasuk dalam perkhidmatan awam **kecuali**
- A. Senator.
  - B. Perdana Menteri.
  - C. Ketua Pembangkang.
  - D. Ketua Setiausaha
16. Tiga badan utama dalam sistem pemerintahan Malaysia melibatkan badan berikut **kecuali**
- A. badan eksekutif.
  - B. badan persekutuan.
  - C. badan perundangan.
  - D. badan kehakiman.

17. Pilih kenyataan yang **salah** mengenai sistem demokrasi berparlimen.
- A. Bentuk pemerintahan yang didukung oleh persetujuan umum.
  - B. Pilihanraya dan pemerintahan majoriti tetapi hak minoriti terjamin.
  - C. Kewujudan badan eksekutif yang mengatasi badan perundangan dan kehakiman.
  - D. Polisi dan undang-undang negara akan dibuat oleh wakil rakyat yang terpilih.
18. Manakah kenyataan yang **benar** mengenai sistem pilihanraya di Malaysia?
- A. Pilihanraya Umum tidak boleh diadakan kurang daripada lima tahun.
  - B. Pilihanraya kecil diadakan apabila Dewan Undangan Negeri dibubarkan.
  - C. Pilihanraya Negeri diadakan jika terdapat kekosongan di dalam Dewan Undangan Negeri.
  - D. Pilihanraya Umum diadakan apabila berlakunya pembubaran Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.
19. Perkara yang **tidak** termasuk ke dalam bidang kuasa kerajaan negeri adalah
- A. tanah.
  - B. undang-undang Islam.
  - C. pertanian dan perhutanan.
  - D. keselamatan dalam negeri.
20. Malaysia kini sedang berada di dalam Rancangan Malaysia
- A. Kelapan.
  - B. Kesembilan.
  - C. Kesepuluh.
  - D. Kesebelas.
21. Perkara yang **tidak** termasuk ke dalam objektif utama Dasar Perindustrian Negara adalah
- A. menggalakkan R&D (penyelidikan dan pembangunan).
  - B. menggalakkan pelaburan asing.
  - C. meningkatkan pertukaran teknologi.
  - D. meningkatkan pasaran berorientasikan import.

22. Pilih kenyataan yang **salah** mengenai objektif Dasar Kebudayaan Kebangsaan.
- A. Mengukuhkan perpaduan bangsa dan rakyat.
  - B. Menolak kebudayaan yang tidak berasal dari alam Melayu.
  - C. Memperkayakan dan memelihara keperibadian kebangsaan.
  - D. Membentuk kerohanian yang seimbang dengan pembangunan.
23. Program Pembasmian Rakyat Termiskin telah diperkenalkan melalui dasar berikut.
- A. Dasar Penstrukturan Semula Penduduk.
  - B. Dasar Pembangunan Nasional.
  - C. Dasar Ekonomi Baru.
  - D. Dasar Wawasan Negara
24. Wawasan 2020 adalah idea yang terkandung di dalam kertas kerja ucapan dasar mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed yang bertajuk
- A. "Malaysia Maju ke Hadapan".
  - B. "Malaysia Menuju ke Hadapan".
  - C. "Malaysia Selangkah ke Hadapan".
  - D. "Malaysia Melangkah ke Hadapan".
25. Kenyataan yang **salah** mengenai Dasar Pembangunan Nasional adalah
- A. menggantikan Dasar Ekonomi Baru.
  - B. langkah permulaan bagi Wawasan 2020.
  - C. meningkatkan penglibatan sektor swasta.
  - D. fokus terhadap usaha membasmi kemiskinan mula dikurangkan.
26. Antara isu paling utama yang menyebabkan Sultan Brunei membatalkan hasratnya menyertai Malaysia ialah;
- I. kuasa ke atas hasil minyak.
  - II. kekananan Sultan Brunei dalam Majlis Raja-Raja.
  - III. penyertaan Singapura yang tidak disenangi ke dalam Malaysia.
  - IV. kemerdekaan secara bersendirian sebelum bergabung ke dalam Malaysia.
- A. I dan II.
  - B. I, II dan III.
  - C. I, II dan IV.
  - D. II dan IV.

27. Fungsi-fungsi Suruhanjaya Pilihanraya adalah
- I. menyelia dan menyemak daftar-daftar pemilih.
  - II. mempersempadankan bahagian-bahagian pilihanraya.
  - III. menjalankan pilihanraya umum dan pilihanraya kecil.
  - IV. menerima atau menolak petisyen pilihanraya yang dikemukakan kepada suruhanjaya.
- A. I dan II.
  - B. I, II dan III.
  - C. I, II, III dan IV.
  - D. II dan III.
28. Fungsi-fungsi yang dijalankan oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai salah satu komponen Parlimen Malaysia adalah
- I. membubarkan Parlimen.
  - II. memanggil Parlimen bermesyuarat.
  - III. menyertai perbahasan dalam mana-mana majlis parlimen.
  - IV. memperkenalkan rang undang-undang yang diluluskan oleh kedua-dua dewan parlimen.
- A. I, II dan III.
  - B. I, II dan IV.
  - C. II, III dan IV.
  - D. Semua di atas.
29. Pernyataan berikut adalah **benar** mengenai Dasar Ekonomi Baru.
- I. Tempoh perlaksanaannya adalah dua puluh tahun.
  - II. Diperkenalkan pada tahun 1970.
  - III. Bermula dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Pertama.
  - IV. Bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.
- A. I dan IV.
  - B. I, II dan IV.
  - C. I, III dan IV.
  - D. Semua di atas.

30. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai Dasar Pendidikan Kebangsaan.
- I. Menggunakan buku teks yang berlatarkan tempatan.
  - II. Menyediakan kurikulum (sukatan pelajaran) yang sama.
  - III. Mewajibkan bahasa Malaysia.
  - IV. Menghentikan pengajaran bahasa ibunda selain dari Bahasa Melayu.
- A. I dan III.
  - B. II dan III.
  - C. III dan IV.
  - D. I, II dan III.



**BAHAGIAN B (Jumlah: 30 markah)****ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.****Soalan 1**

- (a) Nyatakan nama pemimpin rakyat dan parti pimpinannya yang menentang penyatuan Brunei ke dalam Malaysia.  
(2 markah)
- (b) Berikan **dua** sebab berlakunya keretakan hubungan Singapura - Kuala Lumpur sehingga menyebabkan Singapura keluar dari Malaysia.  
(2 markah)
- (c) Namakan pemimpin Indonesia yang menentang idea penyatuan negeri-negeri ke dalam Malaysia dan sebutkan slogan yang diperjuangkannya.  
(2 markah)

**Soalan 2**

- (a) Berikan **dua** fungsi utama Parlimen di Malaysia.  
(2 markah)
- (b) Kemukakan **dua** peranan utama Suruhanjaya Pilihanraya (SPR).  
(2 markah)
- (c) Nyatakan **dua** objektif diperkenalkan Rukun Negara.  
(2 markah)

**Soalan 3**

- (a) Berikan **dua** contoh perkara yang terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri menurut Perlembagaan Malaysia.  
(2 markah)
- (b) Senaraikan **dua** fungsi utama Majlis Gerakan Negara (MAGERAN).  
(2 markah)
- (c) Nyatakan **dua** keistimewaan Ahli Dewan Rakyat semasa semasa menghadiri persidangan di Parlimen.  
(2 markah)

**Soalan 4**

- (i) Senaraikan **dua** institusi milik kerajaan yang telah diswastakan. (2 markah)
- (ii) Nyatakan **dua** penyata/ laporan yang menjadi asas penggubalan Dasar Pendidikan Kebangsaan 1961. (2 markah)
- (iii) Senaraikan **dua** matlamat utama Dasar Ekonomi Baru. (2 markah)

**Soalan 5**

- (i) Senaraikan **dua** cabaran yang terdapat dalam Wawasan 2020. (2 markah)
- (ii) Nyatakan **dua** prinsip asas dasar Kebudayaan Kebangsaan. (2 markah)
- (iii) Berikan **dua** kebaikan Dasar Penswastaan. (2 markah)

**BAHAGIAN C (Jumlah: 20 markah)**

**ARAHAN:** Jawab SATU soalan sahaja.

Jawapan hendaklah dikemukakan dalam bentuk esei.

Sila guna buku jawapan yang disediakan.

1. Huraikan **empat** fungsi utama Perdana Menteri sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Nyatakan pandangan anda terhadap cadangan perlantikan jawatan Timbalan Perdana Menteri Kedua daripada calon bukan Melayu.  
(20 markah)
2. Bincangkan ciri-ciri utama sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan di Malaysia. Berikan **dua** cadangan anda untuk penambahbaikan sistem demokrasi di negara kita.  
(20 markah)
3. Bincangkan latar belakang peristiwa yang membawa ke arah pembentukan Rukun Negara pada 1970. Cadangkan **dua** langkah yang boleh dilaksanakan untuk mengukuhkan integrasi nasional.  
(20 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**